



KOPERASI PESERTA-PESERTA RANCANGAN FELCRA SEBERANG PERAK BERHAD (KPFSPB): PERTANIAN ADALAH PERNIAGAAN

Oleh:
Azmaliza Arifin
Nur Shuhada Mohd Ali

PENGENALAN

Pelaksanaan Dasar Koperasi Negara (DKN), 2011 hingga 2020 telah menumpukan bidang keberhasilan aktiviti ekonomi seperti perkhidmatan kewangan, pemborongan dan peruncitan, pelancongan, penjagaan kesihatan, pertanian dan perladangan. Walaupun sektor perkhidmatan dijangka menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi negara ke arah mencapai status berpendapatan tinggi, namun aktiviti pertanian dan industri asas tani masih penting bagi memastikan penggunaan sumber sedia ada adalah secara cekap dan optimum bagi menjamin kecukupan dan kestabilan bekalan makanan negara.

Sehubungan itu, koperasi yang mempunyai tanah di luar bandar digerakkan untuk melibatkan diri dalam bidang ini. Koperasi juga digalakkan untuk beroperasi secara berskala besar dengan mengaplikasikan teknologi moden bagi meningkatkan keberhasilan tersebut. Sejak jauh ungkapan “Pertanian adalah perniagaan”, maka kisah kejayaan koperasi pertanian yang berskala besar dan berjaya iaitu **Koperasi Peserta-Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Berhad (KPFSPB)** diyakini mampu menjanjikan potensi besar untuk menyumbang kepada pendapatan negara.

SEJARAH FELCRA BERHAD BANDAR SEBERANG PERAK

FELCRA Berhad Bandar Seberang Perak dibuka pada 1981. Pada awalnya, nama FELCRA Bandar Seberang Perak ialah FELCRA Changkat Lada yang diambil sempena nama sebuah cangkat yang terdapat kawasan ini. Di cangkat itu pula terdapat pokok lada yang ditanam di situ. Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) Berhad mempunyai perancangan untuk membangunkan FELCRA Changkat Lada sebagai sebuah bandar, maka



Kisah KEJAYAAN KOPERASI DI MALAYSIA

FELCRA Changkat Lada ditukar nama kepada FELCRA Bandar Seberang Perak. Pembukaan tanah ini bertujuan untuk meningkatkan taraf ekonomi penduduk terutamanya di negeri Perak.

Dianggarkan penduduk FELCRA Bandar Seberang Perak berjumlah 7,657 orang (*populasi pada 2009*) dan majoriti penduduk di sini berbangsa Melayu. Penduduk di sini merupakan peserta Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) yang layak menduduki tanah rancangan Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) sejak 1985 iaitu ketika mula-mula penempatan FELCRA dibuka kepada peserta. Kriteria yang perlu ada pada peserta semasa ditemu duga oleh pihak FELCRA Berhad ialah peserta wajib terlibat dengan aktiviti pertanian. Di FELCRA Bandar Seberang Perak, kawasan perumahan penduduk dibahagikan kepada sepuluh peringkat atau fasa yang mengikut pola penempatan bersifat terancang dan teratur.



Mercu tanda FELCRA Bandar Seberang Perak

Mercu tanda FELCRA Bandar Seberang Perak

Kedudukan FELCRA Bandar Seberang Perak terletak di Mukim Kampung Gajah iaitu kira-kira 15 km dari Pekan Kecil Kampung Gajah. Jarak FELCRA Bandar Seberang Perak ke Teluk Intan dianggarkan dari 37 km ke 45 km, manakala dari Setiawan sejaoh 40 km. Jaringan jalan raya dibina di kawasan ini membolehkan penduduk saling berhubung antara satu sama lain dan memudahkan urusan yang perlu dilakukan di bandar-bandar besar misalnya di Teluk Intan. Mercu tanda FELCRA Bandar Seberang Perak merupakan sebuah pintu gerbang yang tertera perkataan "Selamat Datang".



LATAR BELAKANG KOPERASI

KPFSPB merupakan koperasi bersaiz sederhana dan beroperasi di luar bandar serta telah tersenarai dalam direktori indeks 100 koperasi terbaik oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) di tangga ke-29. Selain daripada itu, koperasi ini juga telah dianugerahkan sebagai Koperasi Rancangan FELCRA Terbaik 2011.



Koperasi Peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak Bhd (KPFSPB)

Sejarah Penubuhan Koperasi

Secara amnya, cadangan penubuhan **KPFSPB** mula diperkenalkan oleh Pengurusan FELCRA Berhad melalui pengalaman menuju Koperasi Peserta FELCRA Berhad (KPFB) pada tahun 1979. Pada awalnya, cadangan tersebut kurang mendapat sambutan daripada peserta dan caruman saham adalah dibuat secara paksa melalui potongan hasil padi peserta FELCRA Seberang Perak 1, 2 dan 16. (Cadangan penubuhan koperasi bermula pada Jun 1985 dan Mesyuarat Penaja diadakan pada 25 September 1985).


Bagi merealisasikan penubuhan dan pelaksanaan aktiviti gerakan koperasi ini, pihak pengurusan FELCRA Berhad yang juga merupakan tunggak utama pengurusan koperasi mulai awal operasi 1986 hingga pertengahan tahun 1997 telah melantik jawatan utama Pengerusi dan Bendahari dalam kalangan kakitangan FELCRA. Namun, setelah pengkorporatan FELCRA Berhad pada pertengahan tahun 1997 koperasi telah melantik jawatan Pengurusan Besar secara sepenuhnya sebagai kakitangan koperasi.

KPFSPB telah didaftarkan secara rasminya pada 4 Januari 1986 dengan No. Pendaftaran: 5884/1/201/PK. Kini, koperasi ini telah berusia lebih 25 tahun. Mesyuarat Agung pertama telah diadakan pada 14 Disember 1986. Lokasi koperasi ini terletak di pusat pentadbiran



Kisah KEJAYAAN KOPERASI DI MALAYSIA

Projek Pembangunan Bersepadu (AIDA) Seberang Perak, Bandar Seberang Perak Kg Gajah, 54 km daripada Bandar Teluk Intan dan operasi pejabat di Lot 4217, Coop Business Center, Bandar Seberang Perak, 36800 Kampung Gajah, Perak (rujuk Rajah 3).



Rajah 1 : Lokasi KPFSPB di Perak

Pertukaran Logo

Penggunaan logo baru berkuat kuasa pada 3 Januari 2012 bagi mengganti logo lama setelah mendapat kelulusan melalui Mesyuarat Anggota Lembaga Koperasi (ALK) bilangan lima bagi sesi 2011/2012 pada 5 Disember 2011.



(logo lama)

(logo baru)

Rajah 2 : Logo KPFSPB



Objektif, Motto, Falsafah dan Slogan

Objektif utama **KPFSPB** adalah untuk menyatukan dan menggabungkan elemen-elemen sosial dan ekonomi yang dimiliki oleh peserta-peserta FELCRA untuk mencapai matlamat pembangunan secara global daripada segi fizikal dan spiritual.

KPFSPB mempunyai motto yang dinamik iaitu sangat *cekap, berkualiti dan menguntungkan*. Falsafah koperasi adalah lembaga dan staf yang amanah, mesra, bersih, cekap, berkualiti, komited serta yakin dan jati diri membentuk organisasi yang berwawasan, cemerlang dan menguntungkan. Slogan koperasi adalah bersama-sama membangunkan koperasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

Struktur Organisasi Koperasi

Rajah di bawah menunjukkan struktur pengurusan **KPFSPB**:





Kisah KEJAYAAN KOPERASI DI MALAYSIA



Pengurusan koperasi terdiri daripada 12 orang Ahli Lembaga Koperasi (ALK) iaitu 10 orang bahagian AJKK berdasarkan aktiviti utama. Terdapat empat orang JKAD, 82 orang kakitangan yang terdiri daripada seorang pengurus besar, 33 orang kakitangan pengurusan dan 59 orang kakitangan sokongan.

Amalan Pengurusan Koperasi

Amalan pengurusan KPFSPB terdiri daripada:


- Lembaga mesra dengan staf
- Anggota diutamakan
- Sistem graduti/ ganjaran
- Hadiah kecemerlangan/ hadiah pelajaran
- Jadual untuk ganjaran/bonus/prestasi
- Berlumba-lumba untuk mempertahankan prestasi
- Mencapai sasaran mengikut unit akan dapat inisiatif
- Menyediakan tabung unit
- Laporan unit akan dibentangkan setiap bulan bagi melihat perkembangan tugas
- Hadiah pinjaman tanpa faedah untuk menggalakkan melanjutkan pelajaran kepada peserta dan anak peserta



Profil Ahli Lembaga Koperasi (ALK)

Profil Ahli Lembaga Koperasi (ALK) KPFSPB terdiri daripada:

- 12 orang Ahli Lembaga Koperasi (ALK)
- 4 orang Jawatankuasa Audit Dalaman (JKAD) dilantik oleh Lembaga Koperasi
- Jawatankuasa Pengurus, Setiausaha dan Bendahari dipilih daripada kalangan ALK melalui Mesyuarat Khas Lembaga.
- 92 orang Pengurusan dilantik oleh Lembaga Koperasi diketuai oleh Pengurus Besar.



Rajah 3 :Anggota Lembaga Koperasi sesi 2013/2014



Kisah KEJAYAAN KOPERASI DI MALAYSIA



Duduk dari kiri : Tn Hj Mior Shahrin B Hj Mior Mohd Yusop (**Pengurus Besar**), En Shamsuddin B Yusof (**Setiausaha**), En Zolkepli B Samuri (**Pengerusi**), En Abdul Shukor B Napiah (**Bendahari**), En Mohammad Bin Harun (**ALK**)
Berdiri dari kiri : En Ahmad B Hashim (**ALK**), En Sulaiman B Nordin (**ALK**), En Salehuddin B Abdullah (**ALK**), En Zainal Rashid B Yeop Ibrahim (**ALK**), En Jeffri B Mohd Nor (**ALK**), Tn Hj Salleh B Diyor (**ALK**), En Abdul Aziz B Aki (**ALK**)
* Tiada dalam gambar : Tn Hj Zaman Huri B Karim

Barisan Ahli Lembaga Koperasi (ALK) Sesi 2013/2014

Jumlah Anggota Koperasi

Keanggotaan koperasi terdiri daripada peserta-peserta dan anak peserta Rancangan FELCRA Seberang Perak mengikut kehendak Akta dan Peraturan-Peraturan serta Undang-Undang Kecil. Jumlah anggota (*berakhir 31 Disember 2012*) seramai 1,719 orang yang terdiri daripada anggota koperasi asal seramai 1,593 orang dan anak anggota sebanyak 126 orang.

Sumbangan Koperasi Kepada Anggota dan Masyarakat

- Khairat kematian untuk anggota dan keluarga (RM 54,000/tahun)
- Hadiah kepada anggota dan pelajaran anak anggota (RM 13,000/tahun)
- Pinjaman pendidikan (RM 30,000/tahun)
- Kredit keperluan harian di pasar mini (Maksimum RM 200/bulan)
- Pinjaman khas untuk kebajikan anggota
- Kredit bekalan keperluan majlis perkahwinan (Maksimum RM 500.00)
- Kredit bekalan input & peralatan pertanian
- Menyediakan ruang perniagaan kepada anggota
- Program latihan, motivasi & keusahawanan (RM 30,000/ tahun)
- Zakat – agihan 3 asnaf mengikut tahun.
- Kemudahan sosial
- Dividen (7% hingga 20%) – sasaran 15% setahun
- Program khidmat masyarakat pemimpin bersama rakyat (Program tersebut anjuran **KPFSPB** pada 4 Januari 2013 sehingga 5 Januari 2013 yang dirasmikan oleh Y.B. Dato' Hj Tajuddin bin Abdul Rahman, Pengerusi FELCRA Berhad merangkap Ahli Parlimen Pasir Salak.



Pencapaian Koperasi (Anugerah yang Diterima)

Anugerah yang pernah diterima oleh **KPFSPB** pada tahun 2007 sehingga 2012 :

TAHUN	ANUGERAH
2007	<ul style="list-style-type: none"> i. Anugerah Khas Aktiviti Pengguna Sempena Sambutan Hari Koperasi Negara 2007. ii. Penghargaan bagi Koperasi Peserta-Peserta Rancangan (KPR) Terbaik bagi tempoh Julai 2006 hingga Jun 2007 oleh Felcra Berhad. iii. Anugerah Koperasi Terbaik Seliaan Agensi Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) tahun 2006.
2008	<ul style="list-style-type: none"> i. Anugerah Kepimpinan Peserta & Institusi Peserta Terbaik Felcra Bhd tahun 2007 bagi kategori Koperasi Peserta Rancangan (KPR) Terbaik daripada KKLW. ii. Anugerah Kepimpinan Peserta & Institusi Peserta Terbaik Felcra Bhd tahu 2007 bagi kategori Koperasi Rancangan (KPR) Terbaik daripada Felcra Bhd. iii. Pengisytiharan Koperasi Terbaik di Malaysia Kluster Terbesar (Nombor 19)
2010	<ul style="list-style-type: none"> i. Anugerah Kepimpinan Institusi Koperasi Rancangan Felcra Terbaik.
2011	<ul style="list-style-type: none"> i. Koperasi Rancangan Felcra Terbaik 2011.
2012	<ul style="list-style-type: none"> i. Pengisytiharan Koperasi Terbaik KKLW tahun 2010. i. Anugerah Cemerlang 5 Bintang Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)



Kisah KEJAYAAN KOPERASI DI MALAYSIA

AKTIVITI-AKTIVITI KOPERASI

Aktiviti Koperasi

KPFSPB telah menceburi lima sektor utama aktiviti perniagaan dan perkhidmatan. Sehingga kini, koperasi menjalankan 36 aktiviti bagi mencapai objektifnya dengan nilai urus niaga lebih daripada RM25 juta. Koperasi juga bergiat dalam projek-projek FELCRA Berhad dan juga projek Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Di samping itu, koperasi juga bergiat dalam bidang perdagangan runcit iaitu pasar mini dan coopmart, membekal baja dan racun, menguruskan stesen minyak Shell, menguruskan pemasaran padi, menjual barang-barang perkakasan di kedai bekalan, perladangan, penghantaran minyak sawit mentah, projek teknikal, pelaburan dan harta tanah. Sepanjang tahun 2011, koperasi telah menjalankan urus niaga bernilai RM20.5 juta yang membawa keuntungan sebanyak RM3.19 juta.

Antara aktiviti-aktiviti urus niaga yang dijalankan oleh koperasi ialah:

1. Perkhidmatan

- i. Pengurusan organisasi
- ii. Kursus dan latihan
- iii. Hal ehwal anggota



Aktiviti-aktiviti perkhidmatan oleh KPFSPB



Aktiviti-aktiviti perkhidmatan oleh KPFSPB

2. Kewangan

- i. Pinjaman anggota dan kakitangan

3. Projek pertanian

- i. Kontrak persawahan
- ii. Kontrak sawit
- iii. Kontrak tanam semula sawit
- iv. Kontrak JPS



Aktiviti persawahan di FELCRA Berhad Seberang Perak oleh KPFSPB



Kisah KEJAYAAN KOPERASI DI MALAYSIA



Kontrak JPS oleh KPFSPB

4. Projek Teknikal dan Hartanah



Kerja-kerja pembinaan oleh KPFSPB seperti Masjid Changkat Lada, rumah kedai PKNP, rumah penyelia FELCRA Berhad, selenggara sekolah KPM dan lain-lain



Pengangkutan dan Kejenteraan oleh KPFSPB



Perkhidmatan stesen minyak, coopmart/pasar mini, coop hardware / kedai bekalan racun, baja dan barang hardware oleh KPFSPB



Kisah KEJAYAAN KOPERASI DI MALAYSIA



Pemasaran dan trading, ejen insuran dan lain-lain

FAKTOR KEJAYAAN AKTIVITI PROJEK PERTANIAN KPFSPB

KPFSPB mempunyai peratusan yang terbesar dalam aktiviti projek pertanian iaitu hampir keseluruhan 140 hektar tanah telah digunakan untuk menjana pendapatan. Hal ini menunjukkan bahawa koperasi ini sangat komited terhadap aktiviti pertanian yang merupakan aktiviti utama koperasi. Secara tidak langsung, aktiviti pertanian yang berdaya maju telah menjadikan koperasi ini berada di tahap yang terbaik. Antara projek pertanian yang diusahakan oleh koperasi adalah kontrak persawahan, pengurusan kelapa sawit, dan tanaman ubi rayong. Jelas menunjukkan bahawa menerusi aktiviti ini, Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan pihak pengurusan telah turut sama terlibat dalam merealisasikan agar misi dan visi **KPFSPB** tercapai. Antara kejayaan aktiviti projek pertanian KPFSB adalah :

Kontrak Persawahan

Kejayaan koperasi bermula dengan menceburi aktiviti persawahan sejak tahun 1987 secara tawaran terus oleh FELCRA Berhad dengan konsep koperasi sebagai kontraktor utama dalam projek pertanian kepada FELCRA Berhad Seberang Perak. Koperasi memperoleh tawaran kontrak mengikut tahun daripada FELCRA Berhad. Kawasan ini merangkumi keluasan 12,056 ekar (4,881.08 hektar) daripada keseluruhan tanah peserta FELCRA Berhad. Koperasi melaksanakan kerja-kerja seperti membajak sawah, merata tanah, menanam padi, menuai padi, mengangkut padi dan infrastruktur persawahan.

Pada tahun 2002, koperasi telah membuat rundingan dua hala dengan pihak Kelompok Tanaman Padi Komersial (KTPK) di kawasan Kampung Sungai Buluh, Jelebu, Negeri Sembilan. Kontrak persawahan ini memerlukan koperasi bertindak sebagai pengurus projek dan kontraktor kepada petani-petani. Namun, petani-petani tersebut akan terus mengusahakan



sawah mereka sebagai pengusaha (pesawah). Kawasan operasi persawahan adalah seluas 350 ekar (141.70 hektar). Selain itu, kawasan lain yang turut terlibat dengan kontrak persawahan oleh koperasi adalah seperti Kedah dan Kelantan dengan aktiviti menuai padi.

Kaedah pembekalan jentera dan pelaksanaan kerja yang telah banyak membantu dalam menggiatkan lagi aktiviti kontrak persawahan ini iaitu unit kejenteraan **KPFSPB** dengan menggunakan traktor, jentuai, transplanter, excavator, back hoe, forklif dan lori. Pelaksanaan kerja persawahan ini dilaksanakan oleh anggota atau keluarga anggota **KPFSPB** yang memiliki jentera di bawah pengawasan dan kawal selia oleh koperasi sendiri. Selain itu, koperasi juga berusaha untuk melantik rakan usaha sama luar yang sesuai untuk merancakkan lagi aktiviti ini.

Secara amnya, kejayaan **KPFSPB** dapat dilihat dalam aktiviti persawahan ini kerana ia merupakan penyedia perkhidmatan terbaik dan membantu golongan pesawah atau pengusaha seterusnya memberikan pulangan yang tinggi kepada koperasi.

Kontrak Kelapa Sawit

KPFSPB juga terlibat secara langsung untuk melaksanakan dan menguruskan kontrak sawit milik FELCRA Berhad dengan lancar dan efisien. Ladang sawit dapat diuruskan dengan menggunakan bantuan pengangkutan moden di samping pekerja-pekerja yang mahir dan berpengalaman. Secara tidak langsung faktor ini telah menyumbang secara positif kepada aktiviti pertanian ini.

Selain itu, sistem pengurusan secara estet (sepusat) telah menarik minat pihak luar untuk memindahkan kepakaran (individu) yang ada di koperasi ini ke kawasan mereka. Contohnya, melibatkan 300 hektar di Jelebu, Negeri Sembilan kerana kegagalan dalam pengurusan dan ladang terbiar selama dua tahun .

Ladang Sawit Koperasi

Koperasi telah melaksana dan menguruskan kontrak sawit milik FELCRA Berhad dengan keluasan 10 ribu ekar. Antara bidang kerja yang dilakukan merangkumi:

- i. Mengangkut buah tandan segar (BTS) (Mekanisasi).
- ii. Menjaga kawasan tanaman.



iii. Penyelenggaraan Infra.

Estet kelapa sawit koperasi melibatkan dua kawasan yang utama iaitu Ladang Sawit Tapah yang mempunyai keluasan 250 hektar yang telah dibangunkan pada tahun 1988. Ladang ini juga dibiayai oleh Tabung Modal Pusingan (TMP), SKM berjumlah RM955 ribu. Seterusnya, yang kedua adalah Ladang Sawit Tanjung Tualang yang mempunyai keluasan sebanyak 50 hektar dan telah dibangunkan sejak tahun 1966.



Projek Tanaman Ubi Rayong (Cassava)

KPFSPB telah mula terlibat dalam aktiviti projek tanaman ubi rayong (cassava) tiga tahun yang lalu pada keluasan tanah sehingga 12 hektar yang merupakan tanah milik koperasi. Pada fasa pertama, koperasi telah menggunakan kawasan tanah milik koperasi seluas empat hektar sebagai langkah permulaan tanaman ubi rayong. Koperasi juga telah memanfaatkan perladangan kontrak dengan membuat perjanjian jual beli dengan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk pemasaran ubi rayong. Koperasi juga turut menjadikan ubi rayong sebagai produk asas untuk barang hiliran iaitu kerepek ubi keluaran koperasi sendiri. Selain itu, **KPFSPB** telah menggunakan label dan jenama milik koperasi dalam memaksimumkan rantaian nilai produk ubi rayong dalam memberi nilai tambah kepada koperasi.



Produk ubi rayong yang menggunakan label dan jenama milik koperasi

FAKTOR-FAKTOR LAIN KEJAYAAN KOPERASI

Selain itu, terdapat juga faktor-faktor lain yang menyumbang kepada kejayaan **KPFSPB** antaranya:

- a. Prestasi nilai urus niaga oleh pihak Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) adalah tinggi dengan angka 10 juta dalam tempoh lima tahun;
- b. Sistem kewangan yang sistematik dan terperinci;
- c. ALK yang telah mengambil keputusan untuk bertugas sepenuh masa dalam koperasi;
- d. Kepakaran oleh lepasan ijazah dan diploma dalam bidang teknikal seperti kejuruteraan awan telah berkhidmat di koperasi;
- e. Kestabilan tunai (cash flow) oleh koperasi dengan tanggungan tinggi, dividen 10 peratus;
- f. Sikap berhemat yang diamalkan oleh koperasi telah memberi kejayaan koperasi untuk membeli bangunan pejabat sendiri;
- g. Kestabilan projek di mana pihak FELCRA atas dasar percaya terhadap Pengurus dan ALK untuk menyerahkan projek untuk dilaksanakan oleh koperasi;



Kisah KEJAYAAN KOPERASI DI MALAYSIA

- h. Prasarana seperti kepentingan dan kemudahan teknologi berkomputer dan IT. Contoh: pada era 1980-an pengangkutan menggunakan *loading*, tetapi kini koperasi berani untuk melabur dalam penggunaan teknologi baru;
- i. Skim pengurusan iaitu kemudahan kepada pekerja seperti perubatan, bonus, gaji dan imbuhan;
- j. Ketelusan yang diamalkan di koperasi dengan menggunakan manual dan prosedur kerja serta undang-undang sendiri;
- k. Sistem Kawalan Dalaman (SKD) iaitu koperasi melantik jawatankuasa disiplin dan keselamatan jika terdapat salah laku atau disiplin dalam kalangan pekerja. Jawatankuasa yang telah dilantik akan bersidang dan akan membuat tindakan;
- l. Sistem kawalan kerja yang baik di samping memberi sumbangan pengangkutan kepada anggota seperti traktor dan lori. Koperasi juga memberi keutamaan kepada anggota yang boleh memberi kemudahan pengangkutan tersebut untuk menjalankan kerja-kerja persawahan;
- m. Usaha sama daripada pihak ANGKASA (Kedah dan Perlis) yang melibatkan 100 hektar tanah telah berminat untuk memindahkan teknologi yang ada di koperasi ini ke kawasan mereka. Pihak IKS telah membuat tawaran kepada peserta dan anak koperasi untuk menjual barang-barang yang berkualiti dengan harga berpatut dengan harga raya setempat berdasarkan kualiti dan harga (pemeriksaan *trading*);
- n. Selain mengukuhkan operasi sedia ada, pihak koperasi sedang meninjau bidang-bidang baharu yang boleh diterokai dan memberikan manfaat kepada ahli-ahli pada masa hadapan;
- o. Amalan pengurusan koperasi iaitu ALK yang mesra dengan pekerja;
- p. Pengalaman terdahulu telah memberi kesedaran kepada ALK untuk memastikan pengurusan koperasi terus stabil.